

6921

Warisan: Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia:
Cawangan Negeri Sembilan 21 (1998)

7

**SHEIKH YUSUF:
MUJAHID DUA BENUA
(PEJUANG DAN PENDAKWAH):
SATU TINJAUAN¹**

**Oleh:
HJ. MOHD. MISAN BIN MASTOR**

Perjuangan menentang penjajahan bukanlah terhad kepada tokoh-tokoh politik dan sekular semata-mata, tetapi merentasi semua lapisan rakyat tanpa mengenal batas kedudukan dan status sosial pejuang itu sendiri. Tokoh pejuang yang berasaskan agama juga memainkan peranan yang bukan sedikit terutamanya pada zaman-zaman awal penentangan terhadap penjajahan barat.

Semasa kunjungan saya ke Sulawesi Selatan (Ujung Pandang) pada akhir tahun 1995, saya telah menemui data tentang salah seorang pejuang serta tokoh agama yang terlibat secara langsung dengan penentangan penjajahan Belanda di Indonesia. Tokoh ini telah bergiat aktif sejak abad ke-17 bukan sahaja sebagai pendakwah, ahli sufi dan tokoh ilmunan tetapi juga sebagai pejuang nasionalis tanah airnya yang dijajah oleh Syarikat India Timur Belanda (VOC). Walaupun tokoh ini dilahirkan di Makassar (Sulawesi Selatan), tetapi sebahagian besar hidupnya dihabiskan di luar Sulawesi iaitu di Banten (Jawa Barat), dan di

tempat pembuangannya di Afrika Selatan.

Pada bulan Julai 1997, saya telah menyertai rombongan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan melakukan lawatan ke Afrika Selatan. Semasa di sana kami telah berkesempatan bertemu dengan komuniti Malayu Afrika Selatan (*Malay Cape*). Dalam pertemuan bangsa serumpun itu saya telah berkesempatan menemu ramah seorang tokoh *Malay Cape* bernama al-Haj Nur-el Erefaan Rakiep². Dalam pertemuan itu Hj. Nur-el Erefaan Rakiep menjelaskan dengan panjang lebar tentang seorang tokoh dan ahli sufi terkenal, Sheikh Yusuf, berdasarkan hasil kajian dan tulisan beliau sendiri.

Sejarah hidup dan perjuangan tokoh-tokoh agama di negara-negara bekas jajahan kuasa-kuasa barat agak berbeza mengikut penjajah mereka, sama ada British, Perancis atau Belanda. Ketokohan dan perjuangan keagamaan mereka tidak banyak berbeza. Kesemuanya memimpin umat manusia ke jalan

yang direndhai oleh Allah S.W.T. (*amal makruf, nahi mungkar* yang bermaksud mengamalkan yang baik dan menjauhi yang mungkar). Walau bagaimanapun, terdapat juga segelintir tokoh agama yang bukan sahaja melibatkan diri secara serius dalam dakwah tetapi juga mujahid atau pejuang tanah air yang mengangkat senjata di medan pertempuran.

Di negara-negara jajahan British seperti Malaysia, tidak ramai tokoh agama terlibat dalam penentangan terhadap penjajah secara langsung. Peranan yang dimainkan oleh yang terlibat adalah paling minima dan terhad. Ini berkemungkinan disebabkan dasar penjajah British yang mengamalkan pendekatan toleran terhadap rakyat peribumi yang dijajahnya. Mereka lebih suka mengadakan perundingan ataupun menandatangani teriti-teriti dengan pembesar tempatan, walaupun kebanyakan perundingan dan teriti tersebut hanya merupakan tipu helah untuk menghalalkan perbuatan dan aktiviti kolonialisme semata-mata. Pendekatan British di mana-manapun di dunia ini lebih merupakan pendekatan agak lembut dan disenangi rakyat tempatan.

Perjuangan Tuan Hj. Abd. Rahman Limbong di Terengganu,

boleh diambil sebagai contoh. Beliau bangun menentang penjajahan British atas dasar keagamaan. Walaupun perjuangannya terbuka tetapi pengalaman di sepanjang penentangannya tidak seberat dan sehebat yang dialami pejuang sealiran dengannya seperti di Indonesia. Ini bukan bermakna pejuang agama kita tidak hebat dan kuat. Kehebatan dan kekuatan pejuang bergantung kepada tindakan dan tekanan yang dikenakan oleh pihak penjajah. Sekiranya pihak penjajah bersikap lembut dan dalam banyak hal menyenangi rakyat tempatan, maka tindak balas pejuang juga tidak agresif. Tindakan dan reaksi para pejuang bergantung pada persekitaran dan pendekatan yang digunakan oleh penjajah sendiri. Jarang kedengaran pejuang-pejuang di Malaysia berjuang bertahun-tahun, berkubu di dalam hutan, menghadapi tekanan fizikal dan mental, halangan-halangan yang sukar untuk diatasi sehingga menggunakan segala kepakaran dan keahlian termasuk secara mistik, sehingga ditangkap penjajah dan dibuang ke sebuah tempat yang begitu asing, dan akhirnya berjaya pula membina satu lagi tapak perjuangan dan mengumpul pengikut sehingga ke akhir hayatnya.

Sejak dari dahulu lagi apabila membicarakan dan membandingkan sejarah nasionalisme antara Malaysia dan Indonesia, tanggapan yang sering disuarakan adalah "Malaysia mendapat kemerdekaan melalui mata pena, manakala Indonesia mendapat kemerdekaannya melalui darah, bambu rencong dan revolusi"³. Kata-kata itu mempunyai kebenarannya jika kita meneliti perjuangan Sheikh Yusuf dari Makassar.

Orang Makassar percaya bahawa Sheikh Yusuf mempunyai tiga tempat persemadian (makam) iaitu di Afrika Selatan, di Sri Langka dan di Lakiung yang terletak lebih kurang 9km dari pusat bandar Ujung Pandang. Mengikut ceritanya makam di Afrika Selatan menempatkan jasad sebenar Sheikh Yusuf, di Sulawesi, baju, dan kupiahnya⁴ di Sri Langka. Kawasan perkuburan ini menjadi tempat keramat dan menjadi tarikan rakyat tempatan untuk mengunjunginya. Di kalangan orang Makassar Sheikh Yusuf juga terkenal dengan panggilan *Tuanta Salamaka*.

Sheikh Yusuf telah dilahirkan pada tahun 1626 di Desa Paralloe (Tallo). Ibunya adalah seorang puteri raja kerajaan Gowa bernama Puteri Galarang Moncong-Loe. Bapanya

pula tidak dikenali nama dan asal usulnya, namun sangat sakti dan suci. Orang Makassar mempercayai ayahnya itu penjelmaan Nabi Khaidir. Mengikut catatan sejarah Malay Cape bapa beliau adalah keturunan Sultan Alauddin pemerintah Tallo, salah sebuah negeri di Selatan Sulawesi.

Semasa kecil, Sheikh Yusuf dipelihara oleh Sultan Alauddin bersama-sama dengan puteri baginda bernama Siti Daeng Nisanga. Mereka berdua sama mempelajari ilmu keagamaan daripada beberapa orang guru agama dan wali, dan bertapa di puncak Gunung Saraung, Latimojong dan Bawakaraeng, semuanya di Sulawesi Selatan. Atas nasihat para wali Sheikh Yusuf berangkat ke Makkah untuk memperlempapkan ilmu keagamaannya. Sebelum ke Makkah, beliau berkahwin dengan rakan sepermainan dan seperguruannya sejak kecil, iaitu Siti Daeng Nisanga.

Pada tahun 1644, semasa berumur lapan belas tahun, beliau bersama isteri dan beberapa orang Makassar telah berangkat ke Makkah melalui Jakarta, Ceylon (Sri Langka) dan akhirnya ke Makkah. Sejak meninggalkan tanah Makassar ke Makkah, beliau tidak pernah menjejakkan kaki semula di bumi

Makassar. Sebahagian besar hidupnya dihabiskan menuntut ilmu keagamaan di Makkah, berjuang menentang penjajah Belanda di Pulau Jawa (kerajaan Banten), dan seterusnya menghabiskan sisa-sisa hidupnya dalam buangan di Afrika Selatan. Keadaan ini sangat bertepatan sekali dengan pepatah orang Makassar yang berbunyi: *Takkala malla bani some'e ulak birangi natowaliang*⁵ bermaksud "jikalau layar sudah terkembang (belayar atau merantau), tidak akan balik semula selagi belum tercapai maksud dan tujuan". Walau bagaimanapun orang Makassar masih menganggap beliau sebagai tokoh pejuang unggul bangsanya. Sehubungan dengan itu pemerintah Indonesia telah mengistiharkan Sheikh Yusuf sebagai tokoh dan pejuang nasionalis Makassar⁶.

Beliau telah menghabiskan masa yang begitu lama mempelajari bahasa Arab dan keagamaan di Makkah. Selain mendalami ilmu tasawuf, beliau mempelajari ilmu tafsir, hadis dan fiqh. Beliau juga menjadi seorang hafiz (hafal *al Quran*). Justeru itu selepas tamat pengajian, beliau mempunyai reputasi sebagai seorang sarjana dan pakar ilmu tasauf dan fiqh. Beliau juga telah mengamalkan Tarikh Khalwatiyyah, sehingga ramai

pengikutnya menyatakan bahawa beliau telah mempunyai maqam yang tinggi dan tergolong sebagai manusia qasaf.

Di Makkah, beliau telah mengahwini anak perempuan salah seorang daripada gurunya, dan memperolehi seorang anak perempuan bernama Puteri Samang. Dalam perjalanan pulang ke tanah air, beliau berkahwin dengan seorang perempuan yang berasal dari Makassar iaitu Daeng Kare Sitaba. Pernikahan itu dilakukan semasa beliau berada di Jeddah.

Sheikh Yusuf kembali ke Indonesia setelah berumur lebih lima puluh tahun. Beliau tidak balik ke Makassar, tetapi menetap di Banten, Pulau Jawa. Banten pada masa itu adalah salah sebuah pusat penyiaran agama Islam yang terkenal dan terkuat bukan sahaja di Indonesia tetapi di Asia Tenggara. Kerajaan Banten mencapai kemuncak kegemilangannya pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Fatah yang juga terkenal dengan panggilan Sultan Ageng Tirtayasa (1651-1682).

Dasar kerajaan Banten yang mengamalkan sepenuhnya ajaran Islam telah menarik Sheikh Yusuf menetap di sana dan mengabdikan

diri di istana Sultan Ageng sebagai guru agama istana dan pakar rujuk agama Islam. Beliau merupakan seorang pakar hukum Syarak, dan terlibat secara langsung dalam aspek-aspek kerohanian telah menjadi pendorong kepada rakyat di Pulau Jawa, Makassar dan juga negara-negara lain di Asia Tenggara untuk datang berguru kepadanya. Reputasi beliau ini mengukuhkan lagi kemasyhuran Banten sebagai pusat pengembangan agama Islam.

Sheikh Yusuf akhirnya menjadi sebahagian daripada keluarga Sultan Ageng yang sangat dihormati. Pada peringkat ini beliau telah diberi gelaran *Sheikh Yusuf al-Taj al-Khalwati al-Makassari* oleh pengikut-pengikutnya. Pengasosiasiannya dengan istana adalah kriteria yang biasa dilakukan oleh kebanyakan pendakwah dan pengembang agama bukan sahaja pada zaman Islam tetapi juga zaman sebelumnya; Hindu-Budha. Asimilasi pendakwah dan mujahid dalam ruang lingkup istana dan kesultanan memudahkan tugas penyiaran agama atau apa sahaja fahaman kerana golongan atasan akan dicontohi dan diikuti oleh rakyat jelata tanpa sebarang soalan.

Walau bagaimanapun, zaman kegemilangan kesultanan Banten

telah tiba ke waktu asarnya apabila berlaku pergeseran antara Sultan Ageng dengan puteranya sendiri Sultan Abdul Kahar atau Sultan Haji. Pergeseran anak-beranak ini menjadi titik tolak pada kehancuran Kerajaan Banten, dan secara langsung kepada Sheikh Yusuf sendiri. Sultan Haji yang menjadi raja muda mendekati pendekatan politik yang berbeza daripada ayahnya. Beliau juga mempunyai penyokong sendiri sehingga rakyat Banten berpecah menjadi dua kelompok. Raja Haji dalam usaha memenangi percaturan politiknya telah meminta bantuan VOC di Batavia (Jakarta sekarang); sementara ayahnya pula adalah seorang yang kuat menentang Belanda. Percanggahan pendirian ini merupakan gara-gara tali barut dan tipu muslihat penjajah Belanda yang ingin memecahbelahkan pemerintahan Islam. Dalam pergeseran ini Sultan Haji menerima pakai nasihat Jacob de Roy, pembantunya seorang bangsa Belanda, agar meminta bantuan Belanda di Batavia. Akhirnya, Sultan Haji yang bersongkol dengan Belanda berjaya menghalau ayahnya, Sultan Ageng dari Banten. Sultan Ageng dan keluarganya telah mengundur diri ke daerah pedalaman dan pergunungan.

Pemerintahan Sultan Ageng tetap diteruskan dengan bantuan Sheikh Yusuf yang sudah menjadi menantunya. Dewasa itu Sheikh Yusuf telah berumur 57 tahun, beberapa tahun sahaja lebih tua daripada Sultan Ageng. Walau bagaimanapun jasmani dan rohaninya jauh lebih kuat jika dibandingkan dengan usianya: tahan mengatasi segala kesulitan, mengembara di hutan dengan segala kekurangan, terutamanya alat peperangan.

Pasukan Sheikh Yusuf sering kali melakukan sabotaj secara kecil-kecilan menewaskan pasukan VOC yang lebih kuat, lengkap dan besar. Pasukan VOC pula telah berkali-kali gagal untuk menghapuskan Sultan Ageng dan Sheikh Yusuf. Keadaan ini amat membimbangkan gabenor VOC. Pihak VOC terpaksa menggunakan pelbagai helah dan cara untuk menewaskannya seperti memasang tali barut Cina, orang-orang Sultan Haji sendiri dan juga menawarkan hadiah wang berjumlah seribu ringgit kepada sesiapa yang berjaya menunjukkan tempat persembunyian Sheikh Yusuf.

Oleh sebab keadaan dan masa, akhirnya pengikut-pengikut Sultan Ageng terpaksa berpecah dua. Satu pasukan di bawah Pengiran

dan satu lagi di bawah Sheikh Yusuf. Menjelang tahun 1683, Sultan Ageng telah diserkup VOC. Beliau dipenjarakan di Batavia sehingga mangkat pada tahun 1692 dan dimakamkan di Banten. Walaupun sultan sudah tertangkap, namun pengikut-pengikutnya seramai 4000 orang terus berjuang di bawah pimpinan Sheikh Yusuf.

Berkat ketabahan dan ketegangan siasah yang dimiliki Sheikh Yusuf sebagai seorang ahli tasawuf, segala percubaan Belanda menyerkap beliau dapat dielakkan; bahkan pada suatu ketika pasukan Belanda menjadi kelam-kabut dan kacau-bilau dalam percubaan menangkap Sheikh Yusuf. Van Happe, ketua pasukan tentera VOC berasa kecewa kerana segala usaha menawan Sheikh Yusuf tidak membuahkan hasil, sedangkan askar-askarnya banyak yang jatuh sakit dan kebuluran.

Dalam suatu pertempuran dengan askar Belanda pada 25 September 1684 di Banyumas, isteri Sheikh Yusuf (anak Sultan Ageng) telah ditawan Belanda. Beliau sendiri dapat melepaskan diri ke sebuah desa, Desa Karan, di Cirebon. Di sini beliau telah cuba mengumpulkan semula kekuatan dan pengaruhnya. Oleh sebab peranannya sebagai

pendakwah Islam, beliau telah diberi gelaran Pengiran Yusuf (Mattulada, 1991:132). Ini menyebabkan pengikutnya bertambah ramai dan siap sedia melanjutkan perjuangan menentang VOC di Batavia.

Pihak Belanda di Batavia telah dapat mencium kebangkitan semula pengaruh Sheikh Yusuf di Cerebon. Berdasarkan pengalaman lepas, Belanda menyedari tidak akan dapat menawan Sheikh Yusuf hanya dengan kekuatan tentera semata-mata. Oleh itu, pihak VOC telah merancang untuk memerangkap beliau dengan tipu muslihat secara kotor dan tidak bermoral. Mereka memperalatkan salah seorang anak perempuan Sheikh Yusuf yang sedang ditawan bersama-sama ibunya di Batavia. Sepucuk surat telah dirangka, kononnya ditulis oleh anak beliau menyatakan ingin sangat bertemu dengan beliau di tempat persembunyiannya.

Pada masa itu, Sheikh Yusuf sedang berada di daerah Prahiyangan Timur. Pihak VOC, setelah mengetahui dimana beliau berada, membawa anak perempuannya meredah hutan belantara untuk dijadikan sebagai tebusan seandainya beliau dapat melarikan diri. Mereka sampai ke kawasan tersebut semasa Sheikh Yusuf

sedang mengajar di salah sebuah rumah pengikutnya. Kawasan tersebut telah dikepung. Oleh sebab pihak VOC menggunakan anak perempuannya sebagai tebusan, Sheikh Yusuf yang ketika itu tidak mempunyai sebarang alat senjata, tiada pilihan melainkan terpaksa menyerah diri. Kejadian ini menunjukkan bahawa pihak Belanda pengecut kerana hanya sanggup berhadapan dengan pihak musuh yang tiada bersenjata dan menyorok di belakang perempuan. Bagi pihak Sheikh Yusuf pula, beliau terpaksa memikirkan kesan kesengsaraan yang bakal dialami anak perempuannya di tangan askar Belanda sekiranya beliau melepaskan diri.

Di sepanjang pengembaraan dan perjuangan yang begitu lama di hutan belantara, dengan segala kesengsaraan, kepayahan dan serba kekurangan, Sheikh Yusuf dan pengikut-pengikutnya telah kehilangan segala-galanya; harta, keluarga, malahan pakaiannya compang camping dan tidak bermaya. Cuma yang tidak punah ialah keyakinan, iman dan cita-cita kemerdekaan dan kemanusiaan (Mattulada, 1991:133). Ini adalah satu sifat yang lumrah pada setiap insan mujahid yang berjuang atas landasan iman dan kerana Allah

S.W.T. dengan berteraskan *fisa-bilillah* - tidak kira di Indonesia, Malaysia atau di mana-mana sekalipun. Para pejuang di negara kita, Malaysia, seperti Datuk Bahaman, Mat Kilau dan Datuk Siamang Gagap hanya pada zahirnya sahaja kalah tetapi pada hakikatnya adalah merupakan seorang pejuang bangsa yang begitu gigih dan berjiwa besar.

Setelah Sheikh Yusuf ditangkap, beliau dipindahkan dari Cerebon ke Batavia bersama-sama sebahagian para pengikutnya. Sebahagian kecil yang lain, terutamanya orang-orang Makassar, telah dihantar ke Sulawesi. Sheikh Yusuf ditempatkan di Penjara Kasteel, sebelum dijatuhkan hukuman bunuh kerana menentang pemerintah. Berita penangkapan Sheikh Yusuf telah tersibar ke seluruh Pulau Jawa dan Sulawesi. Penangkapannya itu menaikkan semangat para pengikutnya yang masih bebas untuk memporak-perandakan pemerintahan Belanda di Batavia kerana Sheikh Yusuf sangat dihormati orang Jakarta dan Banten sebagai suci dan keramat.

Berita yang mengatakan Sheikh Yusuf akan dihukum bunuh, tersibar melalui surat layang (*pamphlet*), dan dari mulut ke mulut

ke seluruh pelusuk, telah merangsang lagi semangat para pejuang Banten. Keadaan ini menjadikan pihak Belanda berasa cemas. Akhirnya mengubah keputusan hukuman mati, lebih-lebih lagi apabila menerima bantahan keras daripada Maharaja Aurangzeb, pemerintah Islam Monggol di India.

VOC terpaksa menerima kenyataan bahawa di mana-mana-pun Sheikh Yusuf ditempatkan, di situ akan berkembang pengaruh dan ajarannya yang akan mengancam kedudukan Belanda. Oleh itu, adalah lebih baik beliau dikeluarkan dari Batavia secepat mungkin. VOC mengambil keputusan membuang Sheikh Yusuf ke Ceylon (Sri Lanka). Raja Gowa di Sulawesi yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan beliau berkali-kali meminta pihak VOC membatalkan rancangan tersebut, tetapi tidak diendahkan. Pada bulan September 1684, Sheikh Yusuf bersama-sama isteri dan anggota keluarganya telah dibuang ke Sri Lanka, dengan harapan pengaruh dan kegiatan beliau dapat dihapuskan.

Beliau menghabiskan masa selama enam tahun di Sri Lanka dan selama itu juga beliau berkali-kali memohon supaya dipindahkan sama ada ke India atau Sumatera.

Pada tahun 1690, Raja Gowa sekali lagi memohon kepada Belanda agar Sheikh Yusuf dikembalikan ke Makassar. Seperti masa-masa sebelumnya, permohonan tersebut tidak diendahkan kerana pihak Belanda telah memperoleh pengalaman pahit betapa bahayanya manusia yang bergelar 'Sheikh Yusuf Anak Makassar'. Segala gerak-geri beliau perlu diawasi dan dikawal dengan ketat.

Dalam pembuangan di Sri Lanka, beliau terus mengembangkan ajaran dan pengaruh di kalangan penduduk tempatan, sama seperti yang dilakukannya semasa berada di Cerebon. Dari semasa ke semasa, para pengikutnya sentiasa bertambah, sehingga menimbulkan kesangsian dan rasa kurang senang pemerintah Belanda. Malahan terdapat beberapa orang pengikutnya yang datang dari utara Sumatera dan Pulau Jawa semata-mata untuk berguru dan bertemu dengan beliau. Ini bermakna masih wujud hubungan antara beliau dengan para pengikutnya di Indonesia, menyebabkan pegaruhnya di sana masih hidup dan subur walaupun beliau tinggal jauh dari tanah air dan para pengikut asalnya. Sekali lagi Belanda menjadi gementar dan takut peristiwa di Pulau Jawa akan berulang.

Belanda akhirnya mengambil keputusan mengubah tempat buangan Sheikh Yusuf ke Afrika Selatan (*Kaapstad*); satu tempat yang sangat jauh dan sangat asing yang pada fikiran Belanda tidak mungkin beliau dapat berhubung lagi dengan pengikut-pengikut setianya di Indonesia. Sheikh Yusuf tiba di Cape Town pada 2 April 1694 dengan kapal *De Voetboeg* bersama-sama 49 orang pengikutnya, termasuk:

- * Dua orang isterinya: Carecontoe dan Carepane
- * Dua orang pembantu wanita: Mu'minah dan Na'imah
- * 12 orang imam
- * 12 orang anaknya: Muhamad Rajah, Muhamad Hayy, Muhamad Jalani Raden Boerne, Ramlah, 'Isa, Jahamah, Care Sangie, Sanda, Siti Caeaty, Siti Romia, dan Siti Labibah. Mengikut sumber lain (Yusuf da Costa, Achmat Davids, 1994:22), terdapat tambahan seorang anak perempuan bernama 'Asma, dan dua orang anak laki-laki, Care Mamo dan Care Mami untuk menjadikan kesemua anak yang mengikutnya ke Afrika Selatan seramai 15 orang.
- * Pengikut lain terdiri daripada: Pia, Boling, Care Nanang, Abidah, Hamidah, Sari, Bibi' Aishah,

Daeng Maniko, Kassim, Kentol Saip, Ragona, Abu Bahar, Abd. al-Ra'uf, dan Ab. al-Ja'far.

Setibanya Sheikh Yusuf dan pengikutnya di Cape Town, mereka telah ditempatkan di Ladang Zandvliet, sebuah petempatan yang terpencil terletak di muara Sungai Eerste, yang sekarang ini lebih terkenal sebagai Faure. Ladang ini pada asalnya dipunyai oleh seorang paderi Kristian. Diambil alih kerajaan Belanda dan dijadikan tempat buangan atau kem tahanan kepada bukan sahaja Sheikh Yusuf dan pengikutnya tetapi juga petempatan hamba abdi dan orang buangan dari seluruh tanah jajahan Belanda.

Sheikh Yusuf berada di Afrika Selatan selama enam tahun. Beliau berasa agak selesa di tempatnya yang baru itu kerana terdapat beberapa orang Islam dari tanah Jawa dan India yang lebih awal di-datangkan Belanda ke sini sebagai hamba abdi. Selama berada di Kaapstad, pengikutnya sekali lagi bertambah kerana mendengar kehadirannya di situ. Kumpulan inilah yang menjadi asas kemunculan petempatan Islam yang pertama di Afrika Selatan. Pembentukan komuniti Islam pertama ini telah memberi peluang seluas-luasnya kepada beliau bagi

menyebarkan agama Islam terutamanya di kalangan rakyat tempatan. Kesan yang paling nyata hasil kedatangan beliau ke Cape Town ialah penduduk Islam berkembang dengan pesatnya hasil dakwah dan ajaran beliau yang tersebar di kalangan pengikut-pengikutnya. Pendakwahannya adalah berasaskan tiga aspek penting iaitu kepakarannya sebagai ahli tasawuf, aktiviti-aktiviti kerohaniannya, dan perjuangannya ke jalan Allah.


Kesan yang paling nyata daripada usaha mujahid ini boleh dilihat daripada tiga aspek: pertamanya dengan menggalak dan memperkukuh Islam di kalangan penduduk Cape Town, beliau telah memberi sumbangan ke arah pembangunan semula maruah mereka sebagai manusia yang sebenar dalam masyarakat (sebagai manusia bebas). Kesan psikologi ini dilihat sebagai satu impak yang sangat signifikan kepada penduduk Cape Town khususnya dan Afrika Selatan umumnya. Keduanya, dengan menggalakkan kemunculan masyarakat berasaskan keagamaan di kalangan orang-orang Islam maka ia telah menjadi batu asas kemunculan komuniti Islam pertama di negara itu. Dan ketiganya, dengan aktiviti-aktiviti dakwah Islam yang

dijalankannya, beliau telah memenangi hati umat Islam, dan seterusnya telah memberikan kekuatan dan harapan baru yang diperlukan mereka untuk terus hidup dan berkembang menempuh zaman.

Pada masa yang sama, permintaan terus diajukan kepada pemerintah Belanda oleh Sultan Gowa di Sulawesi, Sultan Ab. al-Jalil, agar Sheikh Yusuf dibebaskan dan dibenarkan pulang ke tanah air. Walau bagaimanapun pada tahun 1698, pemerintah Belanda di Batavia telah mengeluarkan kenyataan bahawa permohonan pembebasan Sheikh Yusuf tidak akan dilayan lagi.

Pada 23 Mei 1699 beliau telah kembali ke rahmatullah, ketika berumur 73 tahun. Beliau dikebumikan di celah-celah bukit pasir di Teluk False, tidak jauh dari petempatan Zandvliet. Makamnya dianggap sebagai keramat dan terus dikunjungi orang-orang Islam sehingga hari ini.

Pada Februari 1704 pemerintah Belanda telah bersetuju membenarkan janda Sheikh Yusuf,



Makam Sheikh Yusuf di bangunan berkubah di bahagian atas gambar ini , bersama-sama empat makam para pengikutnya di bahagian hadapan. Makam ini terletak berhampiran Teluk False, Cape Town, Afrika Selatan.

anak perempuan dan anak lelaki di bawah umur enam tahun kembali ke Makassar, sementara yang lainnya dikehendaki terus tinggal di Afrika Selatan. Secara senyap-senyap mereka telah membawa bersama tulang-temulang Sheikh Yusuf. Mereka meninggalkan Cape Town dengan dua buah kapal, *de Spiegel* dan *de Liefde* menuju

Batavia. Kapal *de Spiegel* tiba di Batavia pada Disember 1704 dan terus ke Makassar, sementara kapal *di Liefde* tiba di Makasar pada April 1705. Selepas itu ramai lagi pengikut Sheikh Yusuf dibenarkan kembali ke Indonesia, dan ada juga yang memohon untuk terus tinggal tetap di Afrika Selatan. Salah seorang anak perempuannya yang berkahwin dengan Raja Tambora, juga dalam buangan di Cape Town, tidak kembali ke Makassar. Beliau hanya kembali ke tanah air pada tahun 1710.

Pada 5 April 1705 tulang-temulang Sheikh Yusuf telah dimakamkan semula dengan penuh kebesaran raja-raja Makassar di Lakiung (Mattulada, 1991:135), tidak jauh dari Ujung Pandang. Sementara itu bekas makam Sheikh Yusuf di Cape Town terus dikunjungi oleh semua lapisan masyarakat Islam tempatan dan luar negeri, terutamanya oleh keturunan mereka yang dibuang negeri di zaman pemerintahan Belanda dahulu. Makam Sheikh Yusuf dianggap sebagai antara beberapa kubur keramat yang banyak terdapat di Afrika Selatan.


Sebagai seorang mujahid, ahli tasawuf dan pemimpin agama yang disegani, serta pemimpin Tarikat

Khalwatiyyah, Sheikh Yusuf banyak menghasilkan karya yang ditulis dalam tiga bahasa iaitu Arab, Bugis dan Melayu. Banyak daripada tulisan-tulisan beliau yang tidak berjudul tersimpan di Arkib Persatuan Diraja Batavia dan Perpustakaan Universiti Leiden, Belanda. Antara yang masih tersimpan di Perpustakaan Universiti Leiden adalah sebanyak 15 yang ditulis dalam bahasa Arab seperti *Zubdah al-Asrar*, *Sirah Shaykh Yusuf al-Taj*, *Sir al-Asrar*, *Qurrah al-Ayan*, *Al-Nafha al-Sayalaniyyah*, *Matalib al-Salikin*, *Kayfiyyah al-Minajji*, *Inba' al-Anba'*, *Al-Faw'id al-Yusufiyyah*, *Balaya al-Mubtadi* dan *Al-Barakah al-Sayalaniyyah*. Sementara tiga naskah lagi adalah naskah yang tiada judul.

Perjuangan Sheikh Yusuf telah meninggalkan kesan yang begitu mendalam terutamanya di kalangan generasi selepas kematian beliau. Lebih ramai para pejuang dan mujahid muncul dari kalangan anak murid dan pengikut setianya, bukan sahaja di sekitar Cape Town tetapi di seluruh Afrika Selatan. Antaranya ialah Imam Achmat Sidik Achmat (1813-1879), Abu Bakar Effendi (1835-1880), Tuan Guru Sa'id, dan Tuan Guru Ali Mustapha. Kebanyakan mereka terdiri daripada imam dan tuan guru, iaitu panggilan

bahasa Melayu yang masih digunakan oleh mereka sehingga hari ini dalam *Bahasa Afrikan* mereka. Di kalangan orang Islam di Afrika Selatan, mereka dikenali sebagai *Auliya-Allah*² dan makam-makam

mereka yang teletak bertaburan dari Pulau Robben hinggalah ke Simonstown berhampiran Tanjung Pengharapan³ yang disifatkan sebagai keramat.



Gambar Penulis (no. 1) bersama keluarga Al-Haj Nur-el Erefaan Rakep (no. 2), anak perempuannya (no. 3), cucu-cucunya (no. 4, 5, 6), menantu lelaki (no. 7), dan peserta rombongan PSMCNS pada Julai 1997 di rumah anak perempuan beliau, di Athlone, Cape Town, Afrika Selatan, selepas mengadakan kunjungan muhibah dan temuramah dengan beliau.

Nota

- ¹ Tinjauan dan pandangan ini adalah berdasarkan lawatan penyelidikan penulis ke Ujung Pandang Sulawesi Selatan pada tahun 1955 dan ke Afrika Selatan pada tahun 1997.
- ² Beliau tinggal di alamat: No. 1 Snowdrop Square, Bridgetown, Athlone, Cape Town, Afrika Selatan 7764. Beliau adalah seorang tokoh agama dan bekas imam di tempatnya, pernah beberapa kali berkunjung ke Malaysia, dan menjadi ahli kehormat Persatuan Sejarah Malaysia dan Persatuan Intelektual Moslem Indonesia.
- ³ Kenyataan YTM Tunku Abdul Rahman Putera al-Haj, Perdana Menteri Pertama.
- ⁴ Maklumat yang diberikan oleh Bapak Armein. Namun, mengikut sumber dari Afrika Selatan dan daripada Al-Haj Nur-el Erefaan Rakep, makam Sheikh Yusuf

di Sulawesi Selatan adalah yang diiktiraf oleh kerajaan kerana menempatkan tulang-temulang beliau yang dibawa balik oleh balu dan anak-anak beliau sesudah kemangkatannya di Cape Town.

- ⁵ Pepatah ini dalam bahasa Bugis. Maklumat ini diperolehi daripada Bapak Armein, pemandu pelancong dalam lawatan ke Ujung Pandang, pada tahun 1995.
- ⁶ Semasa kami membuat lawatan ke Sulawesi Selatan masih terdapat *aba-aba* iaitu kain rentang dan bendera berwarna-warni untuk memperingati hol hari tokoh tersebut.
- ⁷ Bekas peninggalan kebesaran kesultanan Banten masih boleh dilihat sehingga masa ini disekitar kota Banten.
- ⁸ Temu ramah dengan Al-Haj Erefaan Rakep pada Julai 1977. Beliau merupakan keturunan buangan politik dari Indonesia, dipercayai keturunan salah seorang raja/pemerintah Jawa atau Palembang yang telah dibuang negeri ke Afrika Selatan pada abad ke-17. Beliau mendakwa mempunyai dokumen sah dan diakui pemerintah Indonesia sekarang ini sebagai orang yang mempunyai jurai keturunan dengan salah seorang raja dari Indonesia.
- ⁹ Terdapat sebanyak 24 makam keramat atau *Auliya-Allah* di seluruh Cape Town pada masa ini (Yusuf de Costa, Achmat Davids, 1994), dan terdapat juga makam-makam keramat di tempat lain di seluruh Afrika Selatan.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah, H.W.M. Shagir, *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani - Ulama' dan Pengarah Terulung Asia Tenggara*. Shah Alam: Penerbitan Hizbi. 1990.
- Mattulada, Prof. Dr. *Menyusuri Jejak Kehadiran Makassar dalam Sejarah*. Ujung Pandang: Hasanuddin University Press. 1991.
- Yusuf de Costa, Achmat Davids. *Pages from Cape Muslim History*. Pietermaritzburg: Shuter & Shooter (Pty) Ltd. 1994.

INFORMAN

1. Al-Haj Nurel-Erefaan Rakiep. No. 1 Snowdrop Square, Bridgetown, Athlone, Cape Town, Republic of South Africa 7764. Tel. 021-637-1523-(H).
2. Armein, pemandu pelancongan Hotel Yasmin, Ujung Pandang, Sulawesi Selatan, Indonesia.